

CNS5594

U GB 04-08 00198 BA314

aab

Mahathir - Pergau (Bergambar)

K'JAAN TIADA NIAT "BINCANG SEMULA" PINJAMAN PROJEK PERGAU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Malaysia tidak berhasrat untuk merunding semula pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Britain untuk projek empangan hidro Pergau sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil menyangkal laporan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah meminta kerajaan Britain supaya mengkaji semula pemberian pinjaman itu.

"Tidak ada ... Kita tidak minta lebih dan kita tidak minta kurang. Kita cuma pegang kepada janji," kata beliau ketika ditanya pemberita mengenai laporan yang memetik sumber-sumber bank kononnya kerajaan Malaysia telah meminta supaya kerajaan Britain mengkaji semula pinjaman itu.

Beliau sebelum itu melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Sumber Manusia di sini.

Laporan itu berkata "perbincangan semula itu" mungkin akan mengurangkan subsidi kerajaan Britain untuk projek berkenaan.

Pinjaman 234 juta pound atau lebih kurang RM930 juta yang diberi oleh Kerajaan Britain untuk projek itu di Kelantan menjadi suatu isu awal tahun ini yang membawa kepada keputusan Kerajaan Malaysia untuk tidak memberi sebarang kontraek baru awam kepada firma Britain. -- lagi

04/08/13-03MST

U GB 04-08 00152 BA316

aab

Mahathir - Pergau 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, berikutan laporan itu yang disifatkannya sebagai "laporan yang datang dari Eropah," beliau meminta penjelasan daripada pihak berkenaan.

"Saya tanya sama ada apa-apa permintaan daripada Malaysia dan mereka berkata tidak ada," kata beliau sambil menqulanqi kenyataannya bahawa kerajaan Malaysia tidak pernah meminta apa-apa daripada kerajaan Britain (mengenai pinjaman kepada projek Pergau).

"Setakat yang saya tahu, kita tidak meminta lebih dan tidak meminta kurang," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan meminta pinjaman itu dikaji semula, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak ingin berbuat demikian kerana "akan dituduh ada unsur-unsur rasuah" dan sebagainya.

Dr Mahathir kemudiannya berkata bahawa jika sesuatu perjanjian itu telah dibuat antara dua pihak, maka "kita kena tunaikan janji."

"Perjanjian ini mempunyai 'legal status'... tak boleh ditukar oleh mana-mana pihak dengan sendirinya secara sewenang-wenang," tambah beliau.

-- lagi

ES SIA

04/08/13-21MST

aab

Mahathir - Pergau 3 Kuala Lumpur

Tahun lalu, laporan Pejabat Audit Kebangsaan United Kingdom mengkritik cara pinjaman itu diberikan sebagai suatu bentuk subsidi oleh Pentadbiran Pembangunan Luar Negara.

Wang untuk pinjaman itu, yang disalurkan kepada Tenaga Nasional Berhad, diperolehi melalui pinjaman daripada bank-bank perdagangan berdasarkan kadar pasaran tetapi pembayaran faedah telah disubsidikan oleh kerajaan Britain.

Ketika ditanya mengenai perkembangan terbaru berhubung larangan pemberian kontrak awam kepada firma Britain, beliau berkata, kerajaan belum memutuskan sama ada untuk menarik balik sekatan itu.

Kerajaan memutuskan untuk tidak memberikan kontrak awam baru kepada firma Britain awal tahun ini kerana tindakan beberapa media Britain yang memburuk-burukkan nama negara serta beberapa orang pemimpinnya.

Mengenai langkah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) untuk mengeluarkan Malaysia daripada senarai penerima baqi bantuan geran teknikal selepas 1996 kerana "Malaysia telah menjadi lebih berdikari," Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh membantah jika alasan UNDP itu benar. -- lagi

ES SIA

CNS5040

U GB 04-08 00160 BH069

AAB

Mahathir - Pergau 4 Kuala Lumpur

"Tetapi perhitungan itu mestilah dibuat dengan cara yang betul-betul adil. Kita tidak mahu bantuan yang sepatutnya diberi kepada negara yang memerlukannya diberi kepada kita... ini tidak adil.

"Tetapi kalau kita berhak, kita hendak hak kita," kata Dr Mahathir.

Wakil serantau UNDP untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Encik Carl-Erik Wiberg dilaporkan baru-baru ini sebagai berkata bahawa Malaysia mungkin akan dikeluarkan daripada senarai itu. Bagaimanapun, katanya, lembaga eksekutif UNDP yang akan bermesyuarat Jun tahun depan akan memutuskan sama ada untuk berbuat demikian atau sebaliknya.

Dr Mahathir juga mengulangi kenyataannya bahawa dalam membuat perhitungan mengenai keadaan ekonomi sesebuah negara, pihak berkenaan tidak seharusnya mengukurnya berdasarkan nilai dolar Amerika Syarikat.

Mengenai kedudukan bekas Timbalan Perdana Menteri Kemboja, Putera Norodom Chakrapong yang dikatakan masih berada di Malaysia selepas dikatakan terlibat dalam cubaan rampasan kuasa di negaranya, Dr Mahathir berkata, beliau berharap Chakrapong akan meninggalkan Malaysia secepat mungkin.

-- Lagi.

▼04/08/14-23MST

CNS5647

U GB 04-08 00081 BH070

AAB

Mahathir - Pergau 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Perancis telah bersetuju untuk menerima Chakrapong berikutan permintaan kerajaan Malaysia agar negara itu menerimanya selepas kerajaan Kemboja menyatakan rasa tidak "senang hati" dengan kehadiran Chakrapong di sini.

"Kita sedia untuk memberi perlindungan kepada orang dengan syarat dia tidak menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk mengambil tindakan terhadap negaranya," kata beliau.

"Kita bukan tempat untuk dijadikan pangkalan bagi apa-apa revolusi," kata beliau. -- Bernama.

ES KAM.